

Newspaper	Berita Harian
Date	22/7/2013

# Model baru perkasa JKKK

BH - 22/7/2013

» *Jadi institusi pelaksana tindakan kerajaan peringkat akar umbi*

Oleh Adha Ghazali dan Suzalina Halid

bhnews@mediaprima.com.my

Alor Setar

**K**erajaan akan melaksanakan model baru khusus untuk memperkasa pentadbiran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebagai institusi pelaksana kepada tindakan kerajaan pada peringkat akar umbi tahun depan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata tempoh luput JKCC di seluruh negara termasuk Kedah yang berakhir Jun lalu, akan dilanjutkan enam bulan lagi sebelum model baru berkenaan dapat dilaksanakan.

Katanya, model yang akan dilancarkan awal tahun depan itu turut mengambil kira beberapa aspek termasuk latihan bagi tujuan penambahan ilmu, sekali gus memastikan tahap keberkesanan pimpinan JKCC dalam melaksanakan tugas masing-masing di peringkat akar umbi di seluruh negara dapat dipertingkatkan.



Najib bersalaman dengan orang ramai yang hadir pada majlis berbuka puasa bersama JKCC Kedah di Dewan Wawasan, dekat Jitra, semalam.

[FOTO AMRAN HAMID/BH]

“Buat masa sekarang, tugas untuk merangka model baru JKCC itu diserahkan kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan beliau akan buat pengumuman mengenai model itu di peringkat nasional nanti.

## Elaun sudah dinaik

“Dari segi elaun Pengerusi JKCC itu, kita dah naikkan pada 2011, Setiausaha JKCC pula dah naik RM200 sebulan. Begitu juga elaun kehadiran mesyuarat yang dah dinaikkan RM50 seorang. Bagaimanapun, kita akan kaji dari semasa ke semasa untuk sebarang kenaikan lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika berucap pada Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri yang dihadiri 1,900 Pengerusi dan Setiausaha JKCC seluruh negeri di Dewan Wawasan, dekat Jitra, di sini.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Mukhriz Mahathir; Mohd Shafie; Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah dan Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

## Sampaikan bantuan

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan bantuan kepada golongan orang kelainan upaya (OKU), sebelum dikejutkan

dengan hadiah pulut kuning khas sempena sambutan hari jadi Perdana Menteri ke-60 yang akan disambut pada 23 Julai ini.

Dalam ucapan itu juga, Perdana Menteri turut mengingatkan pemimpin UMNO dan Barisan Nasional (BN) di negeri ini supaya mengambil iktibar tindakan rakyat Kedah yang memilih untuk menukar kerajaan selama dua kali iaitu pada 2008 dan 2013 lalu.

Sementara itu, Najib turut singgah di Masjid Al-Muttakin di Bandar Darulaman di Jitra, dekat sini, untuk menunaikan solat Isyak dan Tarawih berjemaah, sebelum menyertai moreh bersama Muslimin dan Muslimat.